

**STRATEGI PEMBANGUNAN PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN
DI NEGERI MELAKA, 1981-1994**

***THE AGRICULTURE AND INDUSTRIAL DEVELOPMENT STRATEGY
IN STATE OF MELAKA, 1981-1994***

Mohd Shazwan Mokhtar*

**Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia**

Abstrak

Artikel ini mekonstruksi strategi pembangunan negeri oleh Kerajaan Negeri Melaka ketika pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat (RMK-4) antara tahun 1891 hingga 1985. Tumpuan diberikan terhadap strategi pembangunan sektor pertanian dan perindustrian dalam membangunkan keadaan sosioekonomi masyarakat dan untuk meninggalkan jolokan 'sleepy hollow' terhadap negeri. Pencapaian usaha ini diukur berdasarkan kedudukan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi negeri Melaka yang meningkat sehingga 47 peratus pada tahun 1990 berbanding tahun 1985. Walau bagaimanapun, kolerasi antara strategi pembangunan kerajaan negeri terhadap kedudukan ekonomi dan taraf sosial masyarakat masih tidak dikaji secara terperinci. Justeru, masalah kajian ini diselesaikan dengan menganalisis pembentukan strategi pembangunan pertanian dan perindustrian serta impaknya terhadap perkembangan sosioekonomi di negeri Melaka. Kaedah kajian kualitatif digunakan dengan menganalisis dokumen arkib dan kerajaan negeri bagi merekonstruksi fenomena ekonomi yang berlaku dalam tempoh kajian. Selain itu, ekstrak dari *Suara Melaka* yang merupakan akhbar rasmi kerajaan negeri turut digunakan bagi menggambarkan dengan lebih jelas penyampaian strategi pembangunan kepada masyarakat awam. Hasil kajian mendapati, strategi pembangunan negeri Melaka dipengaruhi Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membangunkan taraf sosioekonomi luar bandar. Tumpuan diberikan oleh kerajaan negeri terhadap sektor pertanian disebabkan kebergantungan majoriti penduduknya terhadap sektor ini sebagai sumber pendapatan. Tambahan lagi, masalah perkembangan sektor perindustrian yang lembap sejak tahun 1970-an telah menjadikan sektor pertanian sebagai sektor utamaan, sehinggalah pembangunan pesat industri pada tahun 1990-an. Kesan langsung strategi pembangunan kedua-dua sektor ini terhadap permbangunan sosioekonomi ialah penawaran peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan tambahan untuk masyarakat luar bandar.

Kata kunci: Sejarah Ekonomi, Transformasi Sosioekonomi, DEB, Dasar Kerajaan, Masyarakat Luar Bandar.

Abstract

This article constructs the State Government of Melaka development policies during the implementation of the Fourth Malaysia Plan (RMK-4) within the year 1891 to 1985. It is centre on the development strategies in agriculture and industrial sectors in developing the society socio-economic and abandons the state sleepy hollow's satire. The achievement of this effort evaluated based on Melaka's Gross Domestic Product (GDP) that increased to 47 per cent in 1990 compared to 1985. However, the correlation between the state government's development strategy and the community social indicator still are not studied in detail. Thus, the research problem solved by analyzing the development of agricultural and industrial development strategies and their impact on the socio-economic development in Melaka. The

qualitative research methodology used by analyzing archival and state government documents to constructs the economic phenomenon that occurred during the period. Besides, extracts from 'Suara Melaka', which is the state government's official newspaper, are also used to illustrate a precise implementation of development strategies to the public. The study found that the Melaka Government's development strategy influenced by the New Economic Policy (NEP) in order to develop the rural socio-economic status. The Government gave focus on the agricultural sector due to her population's dependence on it as a source of income. Also, the industrial sector slows growth since the 1970s has made the agriculture sector as a significant sector, until the rapid industrial development in 1990s. The direct impact of the development strategies for these sectors on the socio-economic development is the employment opportunities and the side income production for the rural society.

Keywords: *Economic history, Socio-economic Transformation, NEP, Government Policy, Rural Society.*

Pengenalan

Jolokan '*sleepy hollow*' merupakan gambaran keadaan ekonomi Melaka yang mundur ketika era antara perang.¹ Malah dalam kajian awalnya, Khoo Kay Kim mendapati kedudukan ekonomi Melaka telah merosot sejak abad ke-19, khususnya peranannya sebagai pusat perdagangan yang ketinggalan di belakang Pulau Pinang dan Singapura.² Tambahan lagi, Nordin Hussin mendapati walaupun tiada rekod rasmi yang ditemui pada awal abad ke-19 bagi membandingkan imbalan perdagangan antara Melaka dengan Negeri-Negeri Selat (NNS) yang lain, terdapat trend perubahan tumpuan pedagang-pedagang Melaka ke pelabuhan Pulau Pinang kesan daripada dasar perdagangan bebas British. Perubahan ini telah memberi impak secara langsung terhadap pertumbuhan ekonomi Melaka yang perlahan sejak awal tahun 1800-an.³ Trend perubahan ini sebenarnya turut dikesan dalam kajian Muhammad Hafizi dan Siti Sarah apabila berlakunya perubahan tumpuan eksport gambir kepada eksport getah pada abad ke-20.⁴ Namun, persoalan tetap timbul apakah orientasi ekonomi British di Melaka sebelum merdeka? Malah, kesan dualisme ekonomi yang diutarakan dalam hasil kajian ini perlu dibuktikan secara empirikal, apabila Anne Booth yang mengkaji trend ekonomi di Asia Tenggara berhujah "*There are several aspects of this model [dualistic economies] which might seem unrealistic in the context of colonies in East and Southeast Asia*", kerana pendekatan ini mengabaikan pembuktian rekod ekonomi kolonial.⁵ Bahkan, bukti kawalan kerajaan imperial British terhadap aktiviti ekonomi di Tanah Melayu khususnya NNS telah meragukan pendekatan dualisme ekonomi dalam mentafsir sejarah ekonomi Malaysia.⁶ Ini kerana teori ini dibina berdasarkan kesan penjajahan Belanda di Indonesia,⁷ sementara proses imperialisme dan kolonialisme British di Tanah Melayu berbeza dengan Belanda.⁸

Kemunculan Singapura sebagai pelabuhan baharu pada tahun 1819 meneruskan trend perubahan perdagangan di Melaka yang hanya berperanan sebagai depot pemungutan hasil bumi dari negeri-negeri Melayu di bahagian barat.⁹ Perubahan berlaku apabila British mula melaksanakan dasar bersifat neomerkantilisme sejak akhir abad ke-19, iaitu dengan menjadikan tanah jajahan sebagai pembekal bahan mentah untuk negara induk.¹⁰ Perubahan orientasi ekonomi ini turut mempengaruhi peranan pelabuhan NNS dari pelabuhan entrepot kepada pelabuhan asasi (*staple port*) yang membekalkan sumber bahan mentah dari negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu dalam jaringan perdagangan global.¹¹ Hujah ini dibuktikan dalam penulisan Lynn Hollen Lees yang mendapati, pengenalan getah telah membawa transformasi kepada sistem ekonomi Tanah Melayu sehingga British dapat

menjadikannya sebagai tanah jajahan yang paling menguntungkan.¹² Berdasarkan perkembangan ini, Mohd Shukry Abdullah mendapati bahawa Melaka turut menjadi salah sebuah negeri yang menyumbang kepada eksport getah keseluruhan Tanah Melayu.¹³ Malah sehingga tahun 1938, getah yang merupakan ekonomi eksport utama telah menjadikan Melaka sebagai negeri penanam getah terbesar dalam kalangan NNS. Hujah ini berdasarkan keluasan 194,370 ekar tanah estet yang telah dibuka di Melaka, berbanding 52,919 ekar di Singapura dan 86,001 ekar di Pulau Pinang.¹⁴

Orientasi ekonomi imperial British pada abad ke-20 menjadi legasi kolonial dalam sistem ekonomi Tanah Melayu pasca Perang Dunia Kedua. Sehingga awal tahun 1960-an Tanah Melayu (kemudiannya Malaysia sejak tahun 1963) dapat mengekalkan lebih perdagangan (*trade surplus*) dengan getah dan produk tropika lain sebagai sumber kekayaannya.¹⁵ Walaupun begitu, Malaysia tetap berhadapan dengan masalah pengangguran dan kemiskinan terutamanya di kawasan luar bandar.¹⁶ Masalah yang sama dihadapi oleh Melaka yang merupakan negeri ketiga terkecil selepas Pulau Pinang dan Perlis di Malaysia. Antara tahun 1970 hingga 1980, Melaka dianggap sebagai negeri miskin dengan kadar pertumbuhan penduduk sebanyak 2.6 peratus, yang mana sebahagian besar penduduknya tinggal di kawasan luar bandar. Ketika tempoh ini juga, sektor pertanian merupakan orientasi ekonomi negeri Melaka dengan getah sebagai hasil utama yang menyumbang 80 peratus kepada KDNK negeri, dengan jumlah 31.5 peratus berbanding 32 peratus KDNK Malaysia pada tahun 1970. Manakala, hasil padi pula penyumbang kedua terbesar dengan kadar kira-kira 10 peratus kepada KDNK negeri Melaka. Kemunduran ekonomi Melaka ini dikaitkan dengan amalan kegiatan ekonomi yang tidak ekonomik, masalah produktiviti yang rendah, pulangan hasil yang rendah dan faktor sosioekonomi masyarakat, khususnya masalah sewaan tanah.¹⁷

Justeru, bagi menyelesaikan masalah ekonomi antara tahun 1970 hingga 1980, RMK-4 bagi negeri Melaka digunakan sebagai strategi pembangunannya. Rancangan ini menggariskan empat strategi pembangunan utama yang bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan taraf sosial penduduknya. Pertama ialah strategi pembangunan pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan petani. Kedua, pembangunan perindustrian sebagai strategi untuk mewujudkan peluang pekerjaan. Ketiga, pembangunan pelancongan sebagai sumber pendapatan menerusi kemasukan pelancong dalam dan luar negara. Manakala, strategi keempat ialah pembangunan perumahan bagi menyelesaikan masalah sosioekonomi masyarakat.¹⁸ Walaupun begitu, artikel ini hanya memberi perhatian terhadap dua strategi pembangunan teratas iaitu pertanian dan perindustrian kerana kedua-dua sektor ini merupakan sektor terbesar dalam pembangunan ekonomi Melaka.¹⁹

Pengaruh Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam Strategi Pembangunan Negeri Melaka

Pada tahun 1970, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan DEB sebagai strategi untuk menyelesaikan masalah ketidakseimbangan ekonomi dan sosial antara kaum di wilayah-wilayah dalam Malaysia.²⁰ Dasar ini dilaksanakan menerusi objektif serampang dua mata iaitu (i) mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum; dan (ii) penyusunan semula masyarakat untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.²¹ Berdasarkan objektif ini terdapat empat strategi pembangunan yang mendasari pelaksanaan DEB. Pertama ialah dasar terhadap sektor pertanian, perikanan dan perhutanan yang bertujuan untuk mengoptimalkan guna tenaga berdaya pengeluaran rendah tradisional dan menyediakan peluang pendapatan khususnya

untuk orang Melayu. Keduanya ialah dasar terhadap sektor pengilangan, perlombongan dan pembinaan yang merupakan sektor baharu dengan potensi ekonomi yang perlu ditingkatkan penyertaannya oleh orang Melayu. Manakala, strategi yang ketiga ialah dasar bagi perdagangan dan perniagaan bagi mewujudkan kerjasama ekonomi antara orang bukan Melayu yang menguasai sektor ini dengan orang Melayu yang perlu diberi galakan. Strategi yang keempat pula ialah dasar untuk memperbaiki kehidupan di bandar dan luar bandar. Dasar ini merupakan usaha pembangunan sosioekonomi masyarakat dengan melibatkan penyelesaian terhadap masalah lalu lintas, perumahan, bekalan air dan masalah sosial yang timbul dikawasan kediaman.²²

Walaupun begitu, wujud polemik dalam pelaksanaan dan kesan DEB terhadap pertumbuhan ekonomi dan perkembangan sosial masyarakat di Malaysia. Jamaie Hamil mendapati walaupun DEB muncul dengan imej ekonomi, pelaksanaan dasar ini sebenarnya merupakan strategi politik oleh Parti '*United Malays National Organisation*' (UMNO) untuk memperbaiki kemunduran sosioekonomi masyarakat Melayu dan penyelesaian terhadap kepincangan antara kaum.²³ Sungguhpun begitu, kesan signifikan pelaksanaan DEB dapat dinilai apabila berlakunya penurunan drastik kadar pengangguran dalam kalangan masyarakat Melayu kepada 20.4 peratus pada tahun 1990 iaitu tahun tamatnya pelaksanaan DEB, berbanding pada peringkat awal pelaksanaannya pada tahun 1970 dengan kadar 64.8 peratus. Trend yang sama juga berlaku dalam kalangan masyarakat Cina yang berjaya menurunkan kadar kemiskinannya kepada 5.4 peratus dalam tahun yang sama.²⁴ Namun, penembusan individu Bumiputera dalam pemilikan ekuiti korporat gagal mencapai target DEB apabila kadar yang dicatatkan hanya 19 peratus pada tahun 1990 berbanding sasarannya sebanyak 30 peratus. Meskipun begitu, trend peningkatan tetap berlaku berbanding kadar pemilikan ekuiti korporat Bumiputera sebanyak 1.5 peratus pada tahun 1969.²⁵ Namun, di sebalik pencapaian DEB ini, pengkaji ekonomi turut mendapati berlakunya masalah ketidaksamaan dalam agihan hasil ekonomi dalam kalangan masyarakat. Masalah ini berlaku ketika trend tidak seimbang antara penurunan kadar kemiskinan dengan ketidakseimbangan agihan kekayaan dalam kalangan kaum tertentu, antara dalam wilayah dan antara bandar dengan luar bandar.²⁶ Jomo dan Wee membuktikan fenomena sosioekonomi ini berdasarkan perbandingan antara peratusan pendapatan isi rumah di kawasan bandar dan di luar bandar yang menunjukkan jurang ketara antara pendapatan isi rumah '*Top 20%*' kaya dengan pendapatan isi rumah miskin bandar. Malah trend yang sama juga berlaku di kawasan luar bandar.²⁷ Walaupun begitu, artikel ini tidak memberi perhatian secara mendalam terhadap isu ini, memandangkan kajian lanjut masih boleh dilakukan terutamanya setelah Arkib Negara Malaysia membuka rekod atau dokumen berkaitannya pada masa akan datang.

Sungguhpun pelaksanaan DEB bermula pada tahun 1970, pengaruh dasar tersebut diteruskan dalam strategi pembangunan negeri Melaka sehingga awal tahun 1990-an. Pengaruh ini dapat dibuktikan dengan meneruskan pelaksanaan strategi pembangunan sosioekonomi luar bandar dengan matlamat membasmi kemiskinan dan penyusunan masyarakat.²⁸ Tumpuan pembangunan di luar bandar ialah disebabkan kedudukan kemiskinan khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu tertumpu di kawasan tersebut.²⁹ Justeru, strategi yang dilakukan ialah pembangunan kampung-kampung dengan melibatkan pemberian bantuan atau subsidi untuk masyarakat luar bandar bagi membaiki rumah usang mereka. Dalam masa yang sama, kegiatan ekonomi pada peringkat kampung cuba digiatkan dengan menggalakkan pengenalan projek-projek berkaitan sumber tenaga berkemahiran sebagai sumber pendapatan masyarakatnya.³⁰ Di samping itu, kerajaan negeri turut mengadakan siri kursus bimbingan secara percuma di Institut Latihan Perindustrian bagi melatih masyarakat untuk cuba menguasai perniagaan dan perusahaan mereka sendiri.³¹

Strategi pembangunan sosioekonomi masyarakat miskin ini sebenarnya merupakan pendekatan pembangunan ‘*basic-needs approach*’ dalam pelaksanaan DEB, iaitu pembasmian kemiskinan menerusi pendekatan keperluan asas dengan melibatkan pembangunan bekalan air, kemudahan kesihatan, khidmat balai raya, fasiliti jalan raya dan pembinaan sekolah antara tahun 1960-an hingga 1970-an.³² Matlamat kerajaan negeri membangunkan fasiliti kemudahan luar bandar ini merupakan langkah untuk membolehkan pengusaha-pengusaha kawasan ini untuk memasarkan produk mereka ke kawasan bandar dengan cepat dan boleh mendapatkan harga yang lebih baik berbanding dengan melalui orang tengah.³³ Usaha ini diteruskan dalam dasar pembangunan negeri pasca RMK-4, dengan peruntukan sebanyak RM 105.3 juta daripada belanjawan negeri untuk pembangunan luar bandar.³⁴ Manakala, usaha penyusunan semula masyarakat di Melaka dilaksanakan menerusi pembangunan perumahan yang menjadi salah satu strategi utama pembangunan. Tumpuan pada awal tahun 1980-an ialah menerusi pelaksanaan projek kampung tersusun yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan kemudahan awam untuk masyarakat kampung.³⁵

Usaha pembasmian kemiskinan dalam dasar pembangunan negeri Melaka turut dilaksanakan melalui pengenalan projek-projek kecil sebagai sumber pendapatan tambahan masyarakat. Dasar ini diberi perhatian bagi menghadapi kesan kemelesetan ekonomi yang berlaku pada awal tahun 1981-1982 sehingga memberi kesan pertumbuhan yang lembap pada tahun 1985.³⁶ Tumpuan terhadap projek-projek kecil ini juga merupakan strategi untuk mengurangkan kos operasi perusahaan dan industri melalui penjimatan perbelanjaan dengan mengecilkan saiz operasi kepada pelaksanaan projek kecil berupa penguasaan produk makanan kampung, kraftangan dan hasil tukang seperti sangkar burung.³⁷ Tumpuan terhadap ekonomi mikro ini ialah disebabkan kelembapan yang dihadapi oleh ekonomi makro. Justeru, kebergantungan masyarakat terhadap subsidi kerajaan dapat dikurangkan, tetapi dalam masa yang sama berlakunya peningkatan pengeluaran dan peluang pendapatan untuk masyarakat luar bandar.³⁸ Menjelang tahun 1990-an, projek-projek kecil tidak lagi menumpukan terhadap penghasilan hasil atau produk, malah kerajaan negeri mula melibatkan usaha pembangunan sosial. Antaranya, pelaksanaan pembangunan infrastruktur belia di Melaka pada tahun 1991. Menerusi projek ini, latihan keusahawanan dan kemahiran dikatakan dapat melahirkan belia yang boleh diserap dalam pelbagai sektor pekerjaan di negara secara amnya. Antara projek kecil yang telah dilaksanakan ialah projek pembangunan gimnasium rakyat, gimnasium tertutup dan tapak kecemerlangan gimnasium.³⁹ Keyakinan terhadap potensi projek-projek kecil ini telah diterjemahkan apabila wujudnya aliran peruntukan daripada kerajaan negeri dan kerajaan pusat menerusi Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Bagi tahun 1986 sahaja kira-kira RM 30,453,515 telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan projek-projek kecil ini.⁴⁰

Strategi Pembangunan Sektor Pertanian

Pada peringkat akhir pelaksanaan RMK-2, penggunaan tanah di negeri Melaka didominasi aktiviti pertanian yang menggunakan 78 peratus daripada jumlah tanah iaitu 407,806 ekar. Berdasarkan peratusan ini, sebanyak 76 peratus tanah pertanian digunakan untuk menanam getah, 10 peratus penanaman padi dan 7 peratus bagi aktiviti perkebunan. Walaupun begitu, berbanding pertanian dalam skala besar, golongan petani kecil merupakan kumpulan masyarakat yang menguasai aktiviti pertanian di Melaka dengan kadar 71 peratus. Tumpuan ekonomi pertanian oleh penduduk di Melaka seterusnya mendorong kerajaan negeri untuk membangunkan sektor pertanian sebagai strategi untuk meningkatkan hasil pendapatan penduduk dan menambah hasil pengeluaran. Ini kerana, selain tumpuan terhadap pembangunan tanah pertanian milik persendirian, terdapat juga sehingga 9,553 ekar tanah

milik kerajaan negeri yang mempunyai potensi bagi ekonomi pertanian. Kepentingan sektor pertanian ini telah memberi justifikasi kepada Kerajaan Persekutuan memperuntukan sebanyak RM 112.65 juta dalam RMK-4 bagi negeri Melaka untuk tujuan pembangunan pertanian, iaitu ketiga tertinggi selepas Kemasin, Semerak dan Lembah Kedah.⁴¹

Strategi pembangunan sektor pertanian di Melaka ialah berdasarkan dasar pertanian yang digubal pada tahun 1984. Dasar ini meneruskan matlamat pembasmian kemiskinan masyarakat menerusi pembangunan komoditi pertanian seperti padi dan kelapa sebagai sumber pendapatan.⁴² Oleh itu, bagi mempercepatkan pembangunan sektor pertanian, sistem pemasaran yang cekap dibangunkan bagi mengatasi masalah pemasaran hasil pertanian, termasuk kawalan mutu dan piawaian, galakan pemasaran, perniagaan tani, khidmat nasihat, perkembangan pasaran, pengwujudan pasar-pasar tani, pusat pemasaran hasil pertanian dan kompleks bilik sejuk.⁴³ Dasar Pertanian Negeri Melaka juga turut melibatkan aspek pembangunan sosial dan institusi. Kerajaan negeri cuba untuk memupuk kesediaan petani untuk menerima perubahan dalam pembangunan yang harus ditekankan dalam soal pembangunan sosial dan institusi ini. Sikap para petani juga cuba dibentuk menerusi pendekatan galakan penglibatan petani dalam merancang dan melaksanakan projek, mempertingkatkan latihan pembangunan sosial dan mengadakan rancangan pendedahan terhadap perusahaan pertanian kepada generasi muda.⁴⁴ Kepentingan sektor pertanian dalam dasar pembangunan negeri Melaka diukur berdasarkan kedudukan dalam anggaran peruntukan sektor ekonomi dalam RMK-4 Negeri Melaka sebanyak RM 112,516,550.⁴⁵

Galakan penanaman tanaman berimpak tinggi merupakan strategi langsung kerajaan negeri kepada golongan petani bagi membangunkan sektor ekonomi tersebut. Jenis tanaman yang dimaksudkan ialah produk yang mempunyai nilai dagang bagi menambah pendapatan golongan petani. Dalam pada masa, galakan turut diberikan dalam bentuk bantuan pertanian seperti penggunaan baja, racun serangga dan benih bermutu yang dibantu menerusi peranan Jabatan Pertanian.⁴⁶ Antara tumpuan penanaman tanaman berimpak tinggi pada awal tahun 1980-an ialah projek penanaman asparagus yang turut mendapat bantuan daripada Kementerian Pertanian Malaysia.⁴⁷ Tumpuan penanaman asparagus ini dilaksanakan di tanah-tanah terbiar yang mana projek pertanian ini telah mendapat pembiayaan daripada Bank Dunia sebanyak satu juta Ringgit Malaysia.⁴⁸ Potensi ekonomi yang dimiliki tanaman asparagus ini juga telah mendorong Bank Pertanian untuk menawarkan skim pinjaman kepada golongan petani serta peruntukan sebanyak lima ribu ekar tanah oleh kerajaan negeri untuk tujuan penanaman tersebut. Ini berdasarkan anggaran pulangan bagi eksport asparagus yang dijangkakan sebanyak RM 60 juta setiap tahun.⁴⁹ Selain itu, galakan penanaman berimpak tinggi juga turut melibatkan projek pertanian lain seperti Ladang Bimbingan Koko, Skim Galakan Buah-Buahan Berkelompok, Projek Ladang Bimbingan Pisang dan Projek Ladang Bimbingan Padi Secara Berkelompok.⁵⁰ Matlamat galakan ini juga merupakan strategi kerajaan negeri untuk mengubah corak pertanian berasaskan getah kepada pertanian yang mempunyai potensi nilai ekonomi yang lebih tinggi.⁵¹

Strategi pembangunan sektor pertanian di negeri Melaka turut melibatkan peranan jabatan dan institusi berkaitan kerajaan seperti FELCRA dan FAMA. Kedua-dua institusi membantu untuk mengembangkan lagi potensi pertanian untuk golongan petani dengan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan. Misalnya, peranan yang dilaksanakan FELCRA dalam memulihkan fungsi tanah agar subur untuk penanaman dan galakan tanaman semula oleh RISDA. Manakala, FAMA lebih memberi perhatian terhadap peranan penyediaan kemudahan infrastruktur seperti medan pasar tani untuk golongan petani memasarkan secara langsung hasil mereka kepada pengguna.⁵² Selain itu, pada tahun 1983

Syarikat Pembangunan Pertanian Negeri ditubuhkan sebagai satu agensi untuk memajukan tanah-tanah terbiar di Melaka dalam sektor pertanian. Sebagai syarikat berkaitan kerajaan, Syarikat Pembangunan Pertanian Negeri dimiliki bersama oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dengan peratusan pemilikan sebanyak 50 peratus, Yayasan Islam Melaka sebanyak (YIM) 25 peratus dan Yayasan Pelajaran Melaka YPM sebanyak 25 peratus. Manakala jumlah modal yang dikeluarkan untuk menubuhkan syarikat ini ialah sebanyak RM 200 000.⁵³ Melalui syarikat ini, para petani telah diminta untuk menyerah kuasa kepada syarikat ini untuk memajukan tanah-tanah mereka.⁵⁴ Sebelum itu, syarikat ini sebenarnya telah ditubuhkan dibawah PKNM menerusi keputusan kerajaan negeri dalam Seminar Pembangunan Sawah Terbiar pada tahun 1982. Syarikat ini berperanan dalam memajukan tanah-tanah sawah terbiar secara estet dengan melibatkan tanaman berimpak tinggi seperti kelapa, sawit dan koko. Sungguhpun begitu penanaman tersebut adalah tertakluk kepada kesesuaian tanah di sesuatu kawasan atau sebahagian kawasan yang telah dikenalpasti tidak sesuai untuk tanaman jangka panjang.⁵⁵

Pelaksanaan Rancangan Pertanian Bersepadu sejak tahun 1982 juga merupakan antara strategi pembangunan sektor pertanian oleh Kerajaan Negeri Melaka yang turut mendapat kerjasama Kerajaan Persekutuan. Menerusi rancangan ini projek pertanian akan dilaksanakan secara '*integrated approach*' untuk meningkatkan hasil tanaman pekebun kecil terutamanya di kawasan pengeluaran rendah dan kawasan tanah terbiar. Selain itu, peningkatan kadar pulangan tenaga kerja turut menjadi target pulangan melalui '*cropping intensities*' dengan pemilihan tanaman yang sesuai.⁵⁶ Menerusi RMK-4, projek ini sebenarnya telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM 30 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk direalisasikan.⁵⁷ Rancangan ini turut melibatkan pembangunan fasiliti untuk pertanian dengan memberi perhatian terhadap fasiliti parit dan tali air, infrastruktur, peranan RISDA dan pembangunan pertanian.⁵⁸ Rancangan ini juga merupakan satu projek besar yang melibatkan kira-kira 93,150 hektar tanah yang dimajukan secara intensif dan mendatangkan faedah serta manfaat kepada kira-kira 98,000 keluarga petani.⁵⁹ Bagi melaksanakan rancangan ini pihak RISDA telah menyusun beberapa projek sebagai langkah membantu pekebun-pekebun kecil getah untuk meningkatkan pendapatan mereka dengan menyertai sistem perkebunan bersepadu (SEPERDU). Usaha ini bertujuan untuk menggalakkan para peladang geah untuk menanam tanaman saka dalam pada masa untuk menanti tanaman getah mereka mengeluarkan hasil. Sehingga tahun 1987, terdapat 1,195 orang pekebun telah menyertai Rancangan Pertanian Bersepadu. Manakala, trend penanaman getah mula beransur-ansur perlahan apabila seramai 25 orang penanaman yang melaksanakan tanaman secara berkelompok bagi getah pada awal tahun yang sama.⁶⁰

Strategi Pembangunan Sektor Perindustrian

Proses industrialisasi di Malaysia telah dilaksanakan selepas kemerdekaan dengan tujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan mempelbagaikan ekonomi negara. Ketidakupayaan sektor pertanian untuk menampung pertumbuhan guna tenaga dan keadaan permintaan pasaran luar negara yang tidak menentu menyebabkan strategi perindustrian diperkenalkan bagi meningkatkan prestasi ekonomi negara.⁶¹ Tambahan lagi, pengalaman negara industri maju dan negara perindustrian baru telah menunjukkan keupayaan sektor industri pembuatan untuk meningkatkan ekonomi negara dan proses yang sama ini sudah tentu boleh meletakkan ekonomi wilayah membangun dan mundur di trajektori pembangunan yang lebih memuaskan.⁶² Manakala, bagi negeri Melaka sejak peringkat awal usaha pembangunan lagi, terdapat beberapa petunjuk yang membuktikan kemajuan negeri Melaka ke arah perindustrian. Berbanding keadaan pembangunan industri yang lembap pada awal

tahun 1970-an, menjelang tahun 1980-an terdapat tujuh kawasan perindustrian yang telah dibangunkan di Melaka, termasuk dua kawasan perdagangan bebas. Kawasan-kawasan perindustrian ini terletak di Ayer Keroh, Alor Gajah, Bukit Rambai, Merlimau dan Tanjung Kling Fasa Dua, manakala kawasan perdagangan bebas pula terdapat di Batu Berendam dan Tanjung Kling.⁶³

Strategi pembangunan sektor perindustrian telah menjadi sebahagian daripada RMK-4 bagi negeri Melaka dengan memberi tumpuan terhadap usaha menggalakkan penubuhan sektor perindustrian pada peringkat negeri. Usaha ini menumpukan penubuhan industri yang berasaskan intensif buruh dan industri yang berasaskan bahan-bahan tempatan yang boleh diperolehi di Melaka seperti getah dan perusahaan pertanian. Strategi ini merupakan satu cubaan oleh kerajaan negeri untuk mengukuhkan ekonomi eksportnya apabila galakan pembukaan industri diberikan terhadap sektor pembuatan yang menggunakan hasil atau sumber bahan mentah domestik, termasuklah penggunaan tenaga buruh tempatan. Menerusi pelaksanaan strategi ini, KDNK bagi negeri Melaka dianggarkan telah meningkat dari 24 peratus dalam tahun 1985 kepada 33.5 peratus dalam tahun 1990 dan 39.7 peratus menjelang tahun 1995. Pertumbuhan ini seterusnya telah merangsang kerajaan negeri untuk menjadikan sektor perindustrian sebagai sektor terbesar dalam ekonomi negeri Melaka.⁶⁴ Justeru, pada tahun 1982, Kerajaan Negeri Melaka telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina pejabat Lembaga Kemajuan Perindustrian (MIDA) di Melaka bagi membantu kerajaan negeri mengatur strategi untuk menarik pelabur pada peringkat negeri. Oleh itu, kesan langsung daripada usaha ini ialah pelaksanaan sebanyak 200 projek perindustrian di Melaka yang dapat memberi peluang pekerjaan kepada sekurang-kurangnya 32,011 orang penduduknya. Umumnya, projek-projek ini berfokus dalam industri kain, industri elektronik dan industri makanan.⁶⁵

Walaupun begitu, pembangunan sektor perindustrian di Melaka menghadapi masalah kekurangan sumber asli yang dapat menjadi sumber hasil secara langsung kepada kerajaan. Situasi ini turut mempengaruhi pasaran buruh yang lemah pada peringkat awal pembangunan sektor perindustrian. Justeru, strategi untuk membangunkan sumber asli baharu telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah tersebut.⁶⁶ Ini termasuklah memperluaskan kawasan perindustrian sedia ada dan membuka kawasan perindustrian baharu sesuai dengan pengenalan sumber asli baharu. Namun, strategi pembangunan ini tidak digiat sepenuhnya oleh kerajaan negeri kerana pihak kerajaan turut melaksanakan proses penswastaan bagi membolehkan aliran modal masuk ke sektor perindustrian berkaitan.⁶⁷ Langkah penswastaan ini merupakan usaha kerajaan negeri untuk mengurangkan liabilitinya yang sebelum ini ditanggung oleh PKNM. Ini kerana sehingga tahun 1981, PKNM telah menanggung hutang Pinjaman Persekutuan sebanyak RM 13,611,716 dengan kadar faedah bernilai RM 4,278,382.⁶⁸ Justeru, pihak swasta diberi peluang untuk mengendalikan sendiri tapak-tapak perindustrian yang disediakan oleh kerajaan negeri yang mana turut menjadi faktor kemasukan lebih ramai pelabur ke sektor tersebut.⁶⁹

Pembangunan loji penapisan Petronas merupakan antara strategi perindustrian yang dominan dilaksanakan oleh kerajaan negeri sejak awal tahun 1980-an. Hasil rundingan dengan Kerajaan Persekutuan, Hussein Onn yang merupakan Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah meluluskan cadangan pembangunan loji atau kilang penapisan Petronas di Melaka.⁷⁰ Pembangunan loji ini juga merupakan antara penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi menghadapi masalah kilang-kilang penapis minyak sedia ada dalam negara yang tidak mampu meningkatkan hasil penapisan bagi keperluan harian negara.⁷¹ Justeru, pada tahun 1989 projek pembangunan loji penapisan Petronas telah mula

dilaksanakan di Melaka dengan nilai pembangunan sebanyak RM 850 juta bagi menampung proses penapisan sehingga 70,000 tong minyak sehari.⁷² Impak pembangunan projek industri baharu ini telah membuka pasaran buruh sehingga 3,000 peluang pekerjaan bukan sahaja dalam sektor minyak dan galian, malah dalam sektor pembinaan ketika peringkat awal pembinaan loji tersebut. Campur tangan kerajaan negeri dalam projek ini juga wujud, terutamanya dalam menjaga kepentingan penduduk Melaka dengan mengutamakan pengambilan pekerja dalam kalangan penduduk tempatan. Selain itu, penglibatan kerajaan negeri dalam pembangunan projek ini juga melalui usahasama PKNM dengan Petronas.⁷³

Sungguhpun begitu, sehingga pertengahan tahun 1992, terdapat seramai 530 orang sahaja anak Melaka yang bertugas di loji penapisan minyak daripada jumlah keseluruhan iaitu 1,136 orang pekerja dibawah skim perintis untuk memenuhi tenaga mahir.⁷⁴ Berbanding dengan sasaran pada tahun 1990 yang menyasarkan 4,800 peluang pekerjaan di loji Petronas tersebut.⁷⁵ Masalah ini boleh dikaitkan situasi pada peringkat awal usaha pembangunannya yang tidak mendapat sokongan yang banyak daripada sektor industri penyokong. Walaupun begitu, peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan, penyelenggaraan dan kejuruteraan kecil tetap ditawarkan kepada pemborong-pemborong tempatan yang mahir berkaitan dengannya.⁷⁶ Selain itu, kelewatan pembangunan loji ini pada tahun 1989 berbanding cadangannya pada tahun 1982 juga disebabkan faktor kemelesetan ekonomi yang berlaku pada awal tahun 1980-an. Malah sentimen awam terhadap projek ini juga mempengaruhi kemerosotan pasaran buruhnya apabila pada tahun 1983, Suara Melaka yang merupakan akhbar rasmi kerajaan negeri telah melaporkan wujudnya potensi projek pembinaan loji Petronas tersebut ditangguhkan. Sentimen ini sebenarnya telah melemahkan kepercayaan awam dan pasaran ekonomi di Melaka terhadap projek yang diharapkan sebagai ‘*booster*’ bagi merencanakan pertumbuhan industri-industri sampingan di Melaka. Tambahan lagi, sentimen dari luar negara, khususnya dari negara jiran Singapura turut menyumbang terhadap masalah ini menerusi dakwaan gergasi perusahaan minyak di Singapura bahawa kerajaan pusat mengalami keadaan ekonomi yang meleset untuk melakukan pembangunan loji minyak di Melaka.

Jadual 1: Kawasan Perindustrian Negeri Melaka hingga Julai 1993

Kawasan Perindustrian	Luas kawasan dibangunkan (hektar)	Luas kawasan boleh dijual (hektar)	Keluasan telah dijual (hektar)
Dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka			
Ayer Keroh	130.83	112.60	112.60
Batu Berendam FTZ	107.01	85.61	60.57
Tg. Kling FTZ	9.35	7.48	7.48
Tangga Batu	65.32	52.26	52.26
Alor Gajah	116.61	92.78	86.46
Bukit Rambai	141.70	113.41	112.61
Merlimau	64.49	51.27	51.27
Masjid Tanah	150.60	120.48	0.00
Jumlah	785.50	635.89	483.25
Dibangunkan oleh pihak swasta			
Estet Industri Cheng	214.57	169.23	80.97
Estet Industri Krubong	151.28	141.70	34.54
Estet Industri Zarina	174.34	122.03	0.00
Ornasteel	22.66	22.66	22.66

Petronas	242.00	242.00	242.00
Jumlah	804.85	697.62	380.17

Sumber: Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Ketua Menteri Melaka, 1993.

Jadual 1 menunjukkan data keluasan tanah yang telah dibangunkan sebagai kawasan perindustrian di Melaka sehingga Julai tahun 1993. Secara keseluruhannya, kerajaan negeri melalui PKNM mempunyai monopoli langsung terhadap pembangunan kawasan perindustrian berbanding pihak swasta. Berdasarkan data ini juga, daerah Melaka Tengah merupakan kawasan tumpuan pembangunan industri yang melibatkan Ayer Keroh, Batu Berendam FTZ, Tg. Kling FTZ, Tangga Batu, Bukit Rambai, Cheng dan Krubong. Manakala, daerah Alor Gajah pula melibatkan kawasan Alor Gajah, Masjid Tanah dan Estet Industri Zarina di Rembia. Bagi daerah Jasin, hanya kawalan Merlimau sahaja yang dibangunkan sebagai kawasan perindustrian. Walaupun begitu, sehingga tempoh yang sama juga PKNM masih mempunyai 152.64 hektar tanah daripada keseluruhan kawasan tersebut yang masih belum dibangunkan, iaitu lebih rendah daripada pihak swasta yang mempunyai baki kawasan belum bangun sebanyak 317.45 hektar. Keluasan tanah yang besar belum dibangunkan oleh pihak swasta ini ialah disebabkan kebergantungannya terhadap kemasukan aliran pelabur dan masih lagi dalam peringkat awal pembangunannya.⁷⁷

Rajah 1: Ilustrasi Pembangunan di Kawasan Bandar Melaka



Sumber: SMNS 22/4/1, SUK Melaka, Masalah Tambak Laut, 1995.

Rajah 1, menggambarkan kawasan pembangunan industri pembinaan tambak laut di Melaka sehingga tahun 1995. Secara umumnya industri pembinaan telah menyumbang sebanyak 4.7 peratus dalam KDNK bagi RMK-3 negeri Melaka. Faktor utama strategi pembangunan industri pembinaan dilaksanakan ialah untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat Melaka bagi mengelakkan penghijrahan penduduk sehingga 40 ribu setahun, keluar negeri untuk mencari pekerjaan.⁷⁸ Oleh itu, berdasarkan Rajah 1 pembangunan industri pembinaan saluran pengairan telah dibina sebagai kemudahan di beberapa kawasan industri seperti Batu Berendam, Tg. Minyak dan Bachang. Manakala, pembangunan industri pembinaan tambak laut yang melibatkan tiga projek iaitu Projek Tambak Laut Tun Tan Cheng Lock, Projek Tambak Laut Bandar Hilir I dan II pula dibangunkan untuk menambah kawasan perumahan dan perniagaan di Melaka.⁷⁹

Strategi mewujudkan kawasan khusus untuk sektor perindustrian juga mempengaruhi perkembangan dan pertumbuhan hasil sektor tersebut di Melaka. Kebanyakan kilang di kawasan bandar Melaka yang telah dipindahkan ke Jalan Kilang turut mendapat sokongan daripada Persatuan Pengguna Negeri Melaka, kerana terdapat operasi kilang yang mengganggu aktiviti seharian penduduk.⁸⁰ Sementara itu, pada tahun 1985, PKNM telah memperuntukan sebanyak RM 9.2 juta bagi membuka kawasan perindustrian di Alor Gajah dan Bukit Rambai dengan melibatkan kawasan seluas 50 hektar dan 28 hektar di Merlimau.⁸¹ Selain itu, bagi merangsang pertumbuhan sektor perindustrian, kerajaan negeri juga membuka kawasan perindustrian yang mempunyai kemudahan fasiliti seperti bekalan elektrik, air, telekomunikasi, jalan dan lain-lain perkhidmatan sokongan. Ini termasuk pelaksanaan dasar oleh kerajaan negeri dengan memberi potongan sebanyak 50 peratus bagi kadar bayaran tukar syarat tanah daripada tanah pertanian kepada tanah perindustrian.⁸² Strategi ini dilakukan bagi menyelesaikan masalah dalam melaksanakan projek perindustrian yang menghadapi kekurangan kawasan dan masalah pembekalan kemudahan sehingga merencatkan proses pembangunannya.⁸³ Manakala, bagi pembangunan industri ringan, kerajaan negeri juga telah menyediakan kawasan perniagaan berbentuk ruang-ruang kedai dan gerai untuk memudahkan mereka berniaga.⁸⁴ Dalam hal ini, MIDA telah memainkan peranan yang signifikan dalam mengkaji beberapa industri kecil dan sederhana yang meliputi pengilangan barang-barang seperti tangki air buatan 'fiberglass', 'briquette' kayu, alat-alat permainan kanak-kanak berasaskan kayu, lidi buluh, barang-barang karya seni seramik, dan madu lebah.⁸⁵ Ini termasuk pembukaan kawasan industri kecil bagi perusahaan sederhana bagi mengurangkan persaingan sektor ini dengan kelompok industri besar. Misalnya, pembukaan 15 kawasan industri bengkel yang turut menjadi sebahagian daripada industri kampung sebagai sumber pendapatan penduduk luar bandar bagi meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.⁸⁶ Bagi merangsang pertumbuhan industri ini, pada tahun 1994 kerajaan negeri menerusi PKNM telah mengeluarkan belanja sebanyak RM 28.4 juta untuk membangunkan industri kecil dan sederhana di Malim Jaya, Bukit Katil, Padang Temu, Masjid Tanah dan Paya Rumpit.⁸⁷

Kesan pembangunan kemudahan dan fasiliti untuk sektor perindustrian ini telah mempengaruhi aliran masuk pelaburan asing ke sektor perindustrian di negeri Melaka. Justeru, pada tahun 1991 terdapat sebanyak 239 buah kilang perindustrian telah beroperasi di Melaka.⁸⁸ Malah, dasar kerajaan dalam merangsang pertumbuhan modal menerusi kelonggaran cukai kerana menggunakan tenaga kerja dalam negeri turut menarik perhatian para pelabur.⁸⁹ Pada tahun 1992, kerajaan negeri berjaya membawa masuk aliran modal sebanyak RM 5.12 juta yang mana turut merangsang pertumbuhan pasaran buruh sehingga 25,598 peluang pekerjaan untuk rakyatnya pada tahun tersebut.⁹⁰ Manakala, dalam tahun yang sama berlaku juga aliran masuk modal dari negara asing seperti Taiwan, Jerman, Jepun

dan Singapura dengan nilai pelaburan sebanyak RM 1.3 juta.⁹¹ Perkembangan pelaburan ini seterusnya telah membuka industri baharu di Melaka menerusi pembangunan Pusat Industri Penerbangan di kawasan seluas 108.8 hektar di Batu Berendam. Pembangunan pusat ini turut merangsang perkembangan aktiviti penerbangan dalam negeri menerusi penubuhan Kelab Penerbangan Melaka dan Akademik Penerbangan Melaka.⁹²

Di samping itu, kesan pembangunan sektor perindustrian di Melaka turut mempengaruhi pertumbuhan sosioekonomi penduduknya. Pada peringkat awal perkembangannya sebanyak 80 peratus pekerja-pekerja kilang dalam sektor tersebut mempunyai gaji pokok sehingga RM 500 sebulan. Walaupun begitu, terdapat 54 peratus daripada kelompok pekerja kilang tersebut mempunyai purata pendapatan isi rumah sebanyak RM 269 sebulan, yang mana dianggap masih rendah. Masalah ini merupakan kesan daripada pasaran buruh yang tidak menawarkan peningkatan taraf kemahiran kepada pekerja dan terdapat pekerja yang tidak mempunyai tahap kemahiran yang sepatutnya untuk dibayar dengan kadar gaji yang lebih tinggi.⁹³ Namun, masalah ini cuba diselesaikan menerusi peranan sokongan oleh agensi atau institusi awam. Antara agensi yang terlibat ialah Bahagian Penyertaan Bumiputera dan Kontrak, Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan Awam telah bertindak dalam perundingan dengan pihak kontraktor dan kerja-kerja pembangunan dengan melibatkan golongan Bumiputera. Manakala dalam bidang perkilangan, perindustrian, pelancongan dan kraftangan yang melibatkan industri berskala kecil pula telah dibantu oleh Bank Pembangunan terutamanya dalam menyediakan kemudahan pinjaman.⁹⁴

Kesimpulan

Matlamat untuk membangunkan taraf sosial dan ekonomi masyarakat dalam DEB boleh dikaitkan dengan pengaruh ekonomi sosialis oleh '*Fabian Society*'⁹⁵ yang berpusat di London, kerana tokoh penting penggubalan dasar ini iaitu Tun Abdul Razak merupakan ahli persatuan tersebut ketika beliau menuntut sebagai pelajar undang-undang di England.⁹⁶ Berdasarkan latar belakang tersebut idealisme Fabian dikatakan telah mempengaruhi struktural pemikiran politik beliau dalam membangunkan ekonomi Malaysia.⁹⁷ Justeru, implimentasi prinsip DEB dalam dasar pembangunan negeri Melaka ketika RMK-4 juga boleh dikaitkan dengan pengaruh Fabian. Rumusan ini dibuktikan berdasarkan setiap strategi pembangunan sektor pertanian dan perindustrian yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Melaka mempunyai kolerasi langsung dengan pembangunan sosioekonomi masyarakat, khususnya peluang pekerjaan dan peningkatan jumlah pendapatan.

Walaupun DEB mempengaruhi strategi pembangunan pertanian dan perindustrian, hasil kajian mendapati pertumbuhan ekonomi sehingga awal tahun 1990-an masih lagi perlahan. Ini termasuklah kedudukan sosial masyarakat yang masih lagi terikat dengan aktiviti pertanian dan mempunyai jurang kadar pendapatan. Prestasi ekonomi dan sosial ini boleh dikaitkan dengan halangan pembangunan yang dihadapi oleh kerajaan negeri iaitu masalah kekurangan tanah yang mana sebahagian besar daripada tanah di Melaka mempunyai hak milik. Masalah yang sama juga dihadapi oleh kebanyakan golongan petani yang terhad dengan saiz bidang tanah yang kecil iaitu antara dua hingga empat ekar. Di samping itu, pemilikan tanah pusaka yang mempunyai pemilik yang ramai turut membataskan penggunaan tanah tersebut sehingga dianggap tidak ekonomik. Selain itu, halangan pembangunan perindustrian juga berlaku apabila Melaka tidak mempunyai sumber asli yang dapat menyumbang kepada pendapatan yang besar serta tidak meningkatkan pasaran buruh. Malah, sehingga tahun 1993 sebanyak empat peratus tanah negeri merupakan tanah hutan yang tidak mempunyai kayu balak untuk dijadikan komoditi. Kedua-dua

halangan ini turut mempengaruhi jumlah hasil negeri terhad yang bergantung dengan hasil cukai, terimaan daripada agensi kerajaan dan terimaan hasil yang bukan pulangan balik perbelanjaan. Buktinya, sehingga tahun 1992, hasil bukan cukai telah menyumbang kepada 51.08 peratus daripada jumlah hasil negeri berbanding 19.05 peratus daripada hasil cukai. Data ini menunjukkan antara tahun 1980-an hingga awal tahun 1990-an kerajaan negeri amat bergantung dengan hasil berkaitan hasil jualan barangan, faedah perolehan dari pelaburan, hasil sewaan dan hasil lesen serta permit.⁹⁸

Nota

Artikel ini merupakan sebahagian daripada kertas kerja “Peranan Akhbar Suara Melaka dalam Pembangunan Ekonomi Negeri Melaka (1981-2000)” yang telah dibentangkan dalam International Conference on Malaysia-Indonesia Relations, 2015 (PAHMI 9) di Universitas Negeri Yogyakarta pada 15-16 September 2015.

* **En. Mohd Shazwan Mokhtar** (msm@ukm.edu.my) merupakan pensyarah Program Sejarah di Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah Sejarah Ekonomi, Sejarah Global (Imperialisme dan Kolonialisme British) dan Sejarah Malaysia. Beliau boleh dihubungi melalui e-mail: msm@ukm.edu.my.

¹*The Straits Times*, “Tourist to Visit Malacca”, 12 February 1930. *The Straits Times*, “In Sleepy Hollow”, 23 July 1946.

² Khoo Kay Kim, “Melaka dalam Zaman Moden”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9, 1979, hlm. 32.

³Nordin Hussin, *Trade and Society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*, NUS Press, Singapore, 2007, hlm. 117

⁴Muhammad Hafizi Rahmat dan Siti Sarah Mat Isa, “Perkembangan Pembangunan Sektor Pertanian di Melaka, 1957-1980,” *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, Vol. 28, No. 2, 2019, hlm. 101.

⁵Hujahan lanjut lihat Anne Booth, *The Transition in Open Dualistic Economies in Southeast Asia: Another Look at the Evidence*, Conference Paper, XIV International Economic History Congress, Helsinki, Finland, 21 to 25 August 2006.

⁶Sejak akhir abad ke-19, tumpuan ekonomi British di negeri-negeri Melayu ialah terhadap perlombongan bijih timah dan perdagangan. Huraian lanjut lihat, Azlizan Mat Enh & Nurul Fatimah Yusoff, “Pengenalan Undang-Undang Inggeris di Negeri Sembilan 1895-1950”, *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, Vol. 28, No. 1, 2019, hlm. 14-33.

⁷Lihat, Benjamin Giggins, “The Dualistic Theory of Underdeveloped Areas,” *Economic Development and Cultural Change*, 4(2), 1956, hlm. 99.

⁸Lihat Mohd. Noor Mat Yazid, “Colonial Policy and the Impact to the Politico-Economy Stability after Independence: The case of Indonesia under the Dutch and Malaysia under the British,” *Review of History and Political Science*, 2(3&4), 2014, hlm. 69. Fida Amalia Fathimah, “The Extractive Institutions as Legacy of Dutch Colonialism in Indonesia: A Historical Case Study,” Master’s Thesis, Uppsala Universitet, Sweden, 2018, hlm. 47.

⁹ Khoo Kay Kim, “Melaka dalam Zaman Moden”, hlm. 36-37.

¹⁰Lihat Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin “Perkembangan Sistem Perdagangan Merkantilisme Negeri-Negeri Melayu Bersekutu”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 44, No. 2, 2017, hlm. 1-5.

¹¹Lihat W.G. Huff, *The economic growth of Singapore: Trade and development in the twentieth century*, Cambridge University Press, Cambridge, 1994, hlm. 71.

¹²Lynn Hollen Lees, *Planting Empire, Cultivating Subjects: British Malaya, 1786-1941*, Cambridge University Press, Cambridge, 2017, hlm. 171.

¹³Mohd Shukry Abdullah, “Akhbar Suara Benar: Kajian Isu Sosioekonomi Masyarakat Melayu, 1932-1933”, Desertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015, hlm. 77-78.

¹⁴Colonial Reports – Annual No. 1931, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1938, His Majesty’s Stationery office, London, 1940.

¹⁵J.H. Drabble, *An Economic History of Malaysia, c.1800-1990: The Transition to Modern Economic Growth*, Macmillan Press Ltd., London, 2000, hlm. 161. Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, 3rd Ed., Palgrave, London, 2017, hlm. 300.

¹⁶Andaya & Andaya, *A History of Malaysia*, hlm. 300.

- ¹⁷K.M 167, Unit Perancang Ekonomi, Melaka, Rancangan Malaysia Keempat Negeri Melaka. 1981-1985, 1980.
- ¹⁸Ibid.
- ¹⁹Unit Perancangan Ekonomi, Taklimat Pembangunan Negeri Melaka Sempena Persidangan Jubli Perak Y.B Speaker-Speaker Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia, Jabatan Ketua Menteri Melaka, 16 Ogos 1993.
- ²⁰Masalah sosioekonomi ini merupakan kesan legasi kolonial yang ditinggalkan oleh British. Situasi pada tahun 1920-an telah dibincangkan dalam penulisan Ermy Azziaty Rozali & Mohammad Redzuan Othman, “‘Jalan Keselamatan bagi Orang-Orang Melayu’: Pemikiran Za’ba bagi Memajukan Pendidikan dan Ekonomi Pada Tahun 1920-an”, *Jurnal Sejarah*, Vol. 18, 2010.
- ²¹Lihat huraian lanjut di Prime Minister’s Office of Malaysia, “Dasar Ekonomi Baru”, https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR_EKONOMI_BARU.pdf. Diakses pada 25 April 2020.
- ²²Lihat huraian lanjut dalam Just Faaland, Jack Parkinson & Rais B. Saniman, *DEB: Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*, Trj., Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 377-384
- ²³Jamaie Hamil, *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 65.
- ²⁴Muhammad Abdul Khalid, *The Colour of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia*, MPH Group Publishing, Petaling Jaya, 2014, hlm. 93.
- ²⁵Edmund Terence Gomez, Johan Saravanamuttu and Maznah Mohamad, “Malaysia’s New Economic Policy: Resolving Horizontal Inequalities, Creating Inequities?”, in Edmund Terence Gomez & Johan Saravanamuttu (eds.), *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice*, NUS Press, Singapore, 2013, hlm. 9.
- ²⁶Ibid., hlm. 10.
- ²⁷Lihat Table 2.5 dalam Jomo Kwame Sundaram & Wee Chong Hui, *Malaysia@50: Economic Development, Distribution, Disparities*, Strategic Information and Research Development Centre, Petaling Jaya, 2014, hlm. 72-73.
- ²⁸*Suara Melaka*, No. 43, Disember 1985.
- ²⁹*Suara Melaka*, No. 25, Jun, 1984.
- ³⁰*Suara Melaka*, No. 47, April 1986.
- ³¹*Suara Melaka*, No. 93, Mac 1990.
- ³²Sulaiman Mahbob, Masalah dan Isu Kemiskinan Dalam Kalangan Orang Melayu Satu Penilaian Program Sektor Awam, Dlm. Jaafar Muhamad & Abdul Shukur Ariffin (eds.), *Masalah dan Prospek Ekonomi Bumiputera*, Penerbit UKM, Bangi, 1983, hlm. 42.
- ³³*Suara Melaka*, No. 43, Disember 1985.
- ³⁴*Suara Melaka*, No. 54, November 1986.
- ³⁵KB/M4 Fail Kampung Baru Melaka, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Kampung, Surat daripada Biro Kampung-Kampung Baru Melaka kepada Datuk Neo Yee Pan, 24 Mac 1980.
- ³⁶Rancangan Malaysia ke-5 (RMK-5) (1986-1990), <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM5.pdf> Diakses pada 26 April 2020.
- ³⁷*Suara Melaka*, No. 52, September 1986.
- ³⁸ibid.
- ³⁹*Suara Melaka*, No. 115, Januari 1992.
- ⁴⁰*Suara Melaka*, No. 52, 1986.
- ⁴¹(3.00) 201-15 (SJ.1), Rancangan Pembangunan Pertanian yang Disatukan Melaka, 1980.
- ⁴²*Suara Melaka*, No. 17, Oktober 1983. *Suara Melaka*, No. 24, Mei 1984.
- ⁴³SMNS 22/4/4/JILD 1, *Dasar Pertanian Negeri Melaka*, LKIM, Jawatankuasa Pertugas Pertanian Melaka.
- ⁴⁴Ibid.
- ⁴⁵*Rancangan Malaysia ke-4 Negeri Melaka*, Unit Perancang Ekonomi Melaka, 1980.
- ⁴⁶*Melaka Terus Maju*, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan, Seremban, 1982, hlm. 3.
- ⁴⁷Kedudukan komoditi asparagus ini dikatakan mempunyai potensi yang lumayan untuk para petani berdasarkan, peranan Kementerian Pertanian Malaysia dalam mewujudkan Jawatankuasa Kerja Penanaman Asparagus yang berfungsi untuk memantau penanaman komoditi ini serta perkembangan harga jualannya. SMNS 22/4/4 Jld.1, Surat daripada YB. En. Anwar Ibrahim, Menteri Pertanian Malaysia kepada YB. En. Mat Arif B. Hj. Kamil, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa Negeri Melaka, 30 September 1985. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jawatankuasa Petugas Pertanian Melaka.
- ⁴⁸BC(3.00) 202-33(SK.12), Surat bertarikh 2 Ogos 1983 oleh Kaharudin B. Basir, Bahagian Perancangan dan Dasar Kementerian Pertanian kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian, Anggaran Belanja Mengurus 1983, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Melaka.
- ⁴⁹*Suara Melaka*, No. 39, Ogos 1985.
- ⁵⁰*Suara Melaka*, No. 86, Ogos 1989.

- ⁵¹BC(3.00) 202-33(SK.12) Surat bertarikh 27 September 1983 oleh Hadzir B. Md. Zin, Bahagian Perancangan Dasar, Kementerian Pertanian Malaysia, Kementerian Pertanian, Anggaran Belanja Mengurus 1983, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Melaka.
- ⁵²*Suara Melaka*, No. 86, Ogos 1989.
- ⁵³*Suara Melaka*, No. 8, Januari 1983. Kemudiannya, YIM dan YPM telah dicantumkan menerusi Enakmen Yayasan Melaka tahun 1984, percantuman ini bertujuan untuk menambah sumber kewangan serta dapat memberi bantuan dan khidmat dalam soio-ekonomi negeri dengan melibatkan kemajuan dalam agama Islam, pelajaran, sukan dan juga kebudayaan. *Rang Undang-Undang Enakmen Yayasan Melaka 1984*, Penyata Rasmi Persidangan DUN Melaka, Persidangan kedua, penggal yang ke-3, DUN-6, 23-24 Julai 1984, Jabatan Ketua Menteri Melaka (Bahagian Dewan).
- ⁵⁴*Suara Melaka*, No. 6, November 1982.
- ⁵⁵*Suara Melaka*, No. 8, Januari 1983.
- ⁵⁶B(3.00) 202-32 (SK.12),Minit Mesyuarat Peperiksaan Anggaran Belanjawan Tahun 1982 Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Melaka, 24 Jun 1982, Kementerian Pertanian, Anggaran Belanja Mengurus 1983, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Melaka.
- ⁵⁷ B(3.00) 201-15 (SJ.1) Surat bertarikh 8 Disember 1980 oleh Abdullah Him, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian, Kementerian Pertanian, Projek Pembangunan Pertanian Disatukan Negeri Melaka.
- ⁵⁸ *Melaka Terus Maju*, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan, Seremban, 1982, hlm. 4-5.
- ⁵⁹B(3.00) 201-15 (SJ.1) Surat bertarikh 8 Februari 1982 oleh Mohd Yusoff B. Ramli, Pengarah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Melaka kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia, , Kementerian Pertanian, Projek Pembangunan Pertanian Disatukan Negeri Melaka.
- ⁶⁰*Suara Melaka*, No. 52, Januari 1986. *Suara Melaka*, No. 61, Januari 1987.
- ⁶¹Nooriah Yusof, Impak Polisi Ekuiti Liberal Terhadap Pola Hak Milik Pelaburan Dalam Sektor Perindustrian Pembuatan di Malaysia, dalam, *Kajian Malaysia*, Bil. 30, No. 2, 2012, hlm. 96.
- ⁶²*Ibid.*, hlm. 97.
- ⁶³Abdul Rahman B. Hj. Yusof, Pelaburan di Melaka- Kesesuaian dan Kemudahan, Kertas Kerja, Seminar Pembangunan Melaka, 24 November 1982, hlm. 2-3.
- ⁶⁴*Laporan Pemerkasaan Rancangan Struktur 1993-2015 Majlis Daerah Jasin*, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Cawangan Selatan.
- ⁶⁵*Suara Melaka*, No. 7, Disember 1982.
- ⁶⁶Unit Perancangan Ekonomi, Taklimat Pembangunan Negeri Melaka Sempena Persidangan Jubli Perak Y.B Speaker-Speaker Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia, Jabatan Ketua Menteri Melaka, 16 Ogos 1993.
- ⁶⁷*Ibid.*
- ⁶⁸PKNM 1304/66 Jld. II, Surat Akuan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1981.
- ⁶⁹*Suara Melaka*, No. 36, Mei 1985.
- ⁷⁰Abdul Samad, Peluang-Peluang Industri Sampingan dan Sokongan Dari Projek Kilang Penapisan Minyak Petronas di Melaka, Kertas Kerja, Seminar Pembangunan Melaka, 24 November 1982, hlm. 2.
- ⁷¹*Suara Melaka*, No. 39, Ogos 1985.
- ⁷²*Suara Melaka*, No. 74, Ogos 1988.
- ⁷³Abdul Samad, 1982, hlm. 4.
- ⁷⁴*Suara Melaka*, No. 120, Jun 1992.
- ⁷⁵*Suara Melaka*, No. 102, Disember 1990.
- ⁷⁶Abdul Samad, 1982, hlm. 4.
- ⁷⁷Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Ketua Menteri Melaka, 16 Ogos 1993.
- ⁷⁸Mohd Zam Abdul Wahab, Perkembangan Industri Pembinaan di Melaka, Kertas Kerja, Seminar Pembangunan Melaka, 24 November 1982, hlm. 1-3.
- ⁷⁹SMNS 22/4/1, SUK Melaka, Masalah Tambak Laut, 1995.
- ⁸⁰*Suara Melaka*, No. 45, Februari 1986.
- ⁸¹*Suara Melaka*, No. 43, Disember 1985.
- ⁸²*Suara Melaka*, No. 105, Mac 1991.
- ⁸³ Abdul Rahman B. Hj. Yusof, 1982, hlm. 8.
- ⁸⁴*Suara Melaka*, No. 81, Mac 1989.
- ⁸⁵Abdul Rahman B. Hj. Yusof, 1982, hlm. 12.
- ⁸⁶*Suara Melaka*, No. 74, Ogos 1988. *Suara Melaka*, No. 128, Februari 1993.
- ⁸⁷*Suara Melaka*, No. 140, Februari 1994.
- ⁸⁸*Suara Melaka*, No. 105, Mac 1991.
- ⁸⁹Abdul Rahman B. Hj. Yusof, 1982, hlm. 4.

⁹⁰*Suara Melaka*, No. 115, Januari 1992.

⁹¹*Suara Melaka*, No. 126, Disember 1992.

⁹²*Suara Melaka*, No. 139, Januari 1994.

⁹³19/A, Draf prakata bagi Kajian Sosioekonomi Pekerja-Pekerja Kilang di Negeri Melaka, 2104 Kajian Sosioekonomi Pekerja-Pekerja Industri Melaka (Status Report September 1983), Unit Penyelidikan Sosioekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

⁹⁴KRKA/BPB/0143/CS, Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Dalam Perdagangan dan Perindustrian Negeri Melaka, 16 Jun 1981, Pejabat Cawangan Selatan (Melaka).

⁹⁵Lihat Ahmad Jama' Amin Yang, "Aliran Fabian dalam Gerakan Politik di Malaysia (1952-1970): Suatu Tunjauan Awal daripada Perspektif Sejarah," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 1, No. 2, 2018.

⁹⁶Lihat Khoo Boo Teik, "Achievements, Limitations and Contradictions", In Khoo Book Teik (ed.), *Policy Regimes and the Political Economy of Poverty Reduction in Malaysia*, Palgrave Macmillan, Hampshire, 2012, hlm. 265.

⁹⁷Ahamad Jama' Amin Yang, 2018, hlm. 75,

⁹⁸Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Ketua Menteri Melaka, 16 Ogos 1993.

Rujukan

Sumber Pertama

(3.00) 201-15 (SJ.1), Rancangan Pembangunan Pertanian yang Disatukan Melaka, 1980.

19/A, Draf prakata bagi Kajian Sosioekonomi Pekerja-Pekerja Kilang di Negeri Melaka, 2104 Kajian Sosioekonomi Pekerja-Pekerja Industri Melaka (Status Report September 1983), Unit Penyelidikan Sosioekonomi, Jabatan Perdana Menteri. KRKA/BPB/0143/CS, Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Dalam Perdagangan dan Perindustrian Negeri Melaka, 16 Jun 1981, Pejabat Cawangan Selatan (Melaka).

B(3.00) 201-15 (SJ.1) Surat oleh Abdullah Him, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian, Kementerian Pertanian, Projek Pembangunan Pertanian Disatukan Negeri Melaka, 8 Disember 1980

B(3.00) 201-15 (SJ.1) Surat oleh Mohd Yusoff B. Ramli, Pengarah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Melaka kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Pertanian, Projek Pembangunan Pertanian Disatukan Negeri Melaka, 8 Februari 1982.

B(3.00) 202-32 (SK.12), Minit Mesyuarat Peperiksaan Anggaran Belanjawan Tahun 1982 Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Melaka, 24 Jun 1982, Kementerian Pertanian, Anggaran Belanja Mengurus 1983, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Melaka.

BC(3.00) 202-33(SK.12) Surat bertarikh 27 September 1983 oleh Hadzir B. Md. Zin, Bahagian Perancangan Dasar, Kementerian Pertanian Malaysia, Kementerian Pertanian, Anggaran Belanja Mengurus 1983, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Melaka.

BC(3.00) 202-33(SK.12), Surat bertarikh 2 Ogos 1983 oleh Kaharudin B. Basir, Bahagian Perancangan dan Dasar Kementerian Pertanian kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian, Anggaran Belanja Mengurus 1983, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Negeri Melaka.

Colonial Reports – Annual No. 1931, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Straits Settlements, 1938, His Majesty's Stationery office, London, 1940.

- K.M 167, Unit Perancang Ekonomi, Melaka, Rancangan Malaysia Keempat Negeri Melaka. 1981-1985, 1980.
- KB/M4 Fail Kampung Baru Melaka, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Kampung, Surat daripada Biro Kampung-Kampung Baru Melaka kepada Datuk Neo Yee Pan, 24 Mac 1980.
- Laporan Pemerkasaan Rancangan Struktur 1993-2015 Majlis Daerah Jasin*, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Cawangan Selatan.
- Melaka Terus Maju*, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan, Seremban, 1982.
- PKNM 1304/66 Jld. II, Surat Akuan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, 31 Disember 1981.
- Rancangan Malaysia ke-4 Negeri Melaka*, Unit Perancang Ekonomi Melaka, 1980.
- Rang Undang-Undang Enakmen Yayasan Melaka 1984*, Penyata Rasmi Persidangan DUN Melaka, Persidangan kedua, penggal yang ke-3, DUN-6, 23-24 Julai 1984, Jabatan Ketua Menteri Melaka (Bahagian Dewan).
- SMNS 22/4/1, SUK Melaka, Masalah Tambak Laut, 1995.
- SMNS 22/4/4 Jld.1, Surat daripada YB. En. Anwar Ibrahim, Menteri Pertanian Malaysia kepada YB. En. Mat Arif B. Hj. Kamil, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa Negeri Melaka, 30 September 1985. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jawatankuasa Petugas Pertanian Melaka.
- SMNS 22/4/4/JILD 1, *Dasar Pertanian Negeri Melaka*, LKIM, Jawatankuasa Pertugas Pertanian Melaka.
- Suara Melaka*, Disember 1982.
- Suara Melaka*, November 1982.
- Suara Melaka*, Januari 1983.
- Suara Melaka*, Julai 1983.
- Suara Melaka*, Oktober 1983.
- Suara Melaka*, Mei 1984.
- Suara Melaka*, Jun 1984.
- Suara Melaka*, Disember 1985.
- Suara Melaka*, Mei 1985.
- Suara Melaka*, Ogos 1985.
- Suara Melaka*, Februari 1986.
- Suara Melaka*, Januari 1986.
- Suara Melaka*, April 1986.
- Suara Melaka*, September 1986.
- Suara Melaka*, November 1986.
- Suara Melaka*, Januari 1987.
- Suara Melaka*, Ogos 1988.
- Suara Melaka*, Mac 1989.
- Suara Melaka*, Ogos 1989.
- Suara Melaka*, Disember 1990.
- Suara Melaka*, Mac 1990.
- Suara Melaka*, Mac 1991.
- Suara Melaka*, Disember 1992.
- Suara Melaka*, Januari 1992.
- Suara Melaka*, Jun 1992.
- Suara Melaka*, Februari 1993.
- Suara Melaka*, Februari 1994.

Suara Melaka, Januari 1994.

The Straits Times, 12 February 1930.

The Straits Times, 23 July 1946.

Unit Perancangan Ekonomi, Taklimat Pembangunan Negeri Melaka Sempena Persidangan Jubli Perak Y.B Speaker-Speaker Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia, Jabatan Ketua Menteri Melaka, 16 Ogos 1993.

Sumber kedua

Abdul Rahman B. Hj. Yusof, "Pelaburan di Melaka- Kesesuaian dan Kemudahan", Kertas Kerja, Seminar Pembangunan Melaka, 24 November 1982.

Abdul Samad, "Peluang-Peluang Industri Sampingan dan Sokongan Dari Projek Kilang Penapisan Minyak Petronas di Melaka", Kertas Kerja, Seminar Pembangunan Melaka, 24 November 1982.

Ahamad Jama' Amin Yang, "Aliran Fabian dalam Gerakan Politik di Malaysia (1952-1970): Suatu Tunjauan Awal daripada Perspektif Sejarah," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 1, No. 2, 2018, pp. 67-77.

Andaya, Barbara Watson & Andaya, Leonard Y., *A History of Malaysia*, 3rd Ed., London: Palgrave, 2017.

Azlizan Mat Enh & Nurul Fatimah Yusoff, "Pengenalan Undang-Undang Inggeris di Negeri Sembilan 1895-1950", *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, Vol. 28, No. 1, 2019, pp. 14-33.

Booth, Anne, "The Transition in Open Dualistic Economies in Southeast Asia: Another Look at the Evidence", Conference Paper, XIV International Economic History Congress, Helsinki, Finland, 21 to 25 August 2006.

Drabble, J.H., *An Economic History of Malaysia, c.1800-1990: The Transition to Modern Economic Growth*, London: Macmillan Press Ltd., 2000.

Ermy Azziaty Rozali & Mohammad Redzuan Othman, "'Jalan Keselamatan bagi Orang-Orang Melayu': Pemikiran Za'ba bagi Memajukan Pendidikan dan Ekonomi Pada Tahun 1920-an", *Jurnal Sejarah*, Vol. 18, 2010, pp. 19-34.

Faaland, Just, Parkinson, Jack & Rais B. Saniman, *DEB: Pertumbuhan dan Ketaksamarataan*, Trj., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Fida Amalia Fathimah, "The Extractive Institutions as Legacy of Dutch Colonialism in Indonesia: A Historical Case Study," Master's Thesis, Uppsala Universitet, Sweden, 2018.

Giggins, Benjamin, "The Dualistic Theory of Underdeveloped Areas," *Economic Development and Cultural Change*, Vol. 4, No. 2, 1956, pp. 99-115.

Gomez, Edmund Terence, Johan, Saravanamuttu & Maznah Mohamad, "Malaysia's New Economic Policy: Resolving Horizontal Inequalities, Creating Inequities ?", in Edmund Terence Gomez & Johan Saravanamuttu (eds.), *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice*, Singapore: NUS Press, 2013, pp. 1-28.

Huff, W.G. *The economic growth of Singapore: Trade and development in the twentieth century*, Cambridge: Cambridge University Press, 1994.

Jamaie Hamil, *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

Jomo Kwame Sundaram & Wee Chong Hui, *Malaysia@50: Economic Development, Distribution, Disparities*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2014.

- Khoo Boo Teik, "Achievements, Limitations and Contradictions", In Khoo Book Teik (ed.), *Policy Regimes and the Political Economy of Poverty Reduction in Malaysia*, Hampshire; Palgrave Macmillan, Hampshire, 2012, pp. 251-266.
- Khoo Kay Kim, "Melaka dalam Zaman Moden", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9, 1979, pp. 32-43.
- Lees, Lynn Hollen, *Planting Empire, Cultivating Subjects: British Malaya, 1786-1941*, Cambridge: Cambridge University Press, 2017.
- Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin "Perkembangan Sistem Perdagangan Merkantilisme Negeri-Negeri Melayu Bersekutu", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 44, No. 2, 2017, pp. 1-26.
- Mohd Shukry Abdullah, "Akhbar Suara Benar: Kajian Isu Sosioekonomi Masyarakat Melayu, 1932-1933", Desertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.
- Mohd Zam Abdul Wahab, "Perkembangan Industri Pembinaan di Melaka", Kertas Kerja, Seminar Pembangunan Melaka, 24 November 1982.
- Mohd. Noor Mat Yazid, "Colonial Policy and the Impact to the Politico-Economy Stability after Independence: The case of Indonesia under the Dutch and Malaysia under the British," *Review of History and Political Science*, Vol. 2, No. 3&4, 2014, pp. 69-84.
- Muhammad Abdul Khalid, *The Colour of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia*, Petaling Jaya: MPH Group Publishing, Petaling Jaya, 2014.
- Muhammad Hafizi Rahmat & Siti Sarah Mat Isa, "Perkembangan Pembangunan Sektor Pertanian di Melaka, 1957-1980," *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, Vol. 28, No. 2, 2019, pp. 99-119.
- Nooriah Yusof, "Impak Polisi Ekuiti Liberal Terhadap Pola Hak Milik Pelaburan Dalam Sektor Perindustrian Pembuatan di Malaysia", *Kajian Malaysia*, Bil. 30, No. 2, 2012, pp. 95-120.
- Nordin Hussin, *Trade and Society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*, Singapore: NUS Press, 2007.
- Sulaiman Mahbob, Masalah dan Isu Kemiskinan Dalam Kalangan Orang Melayu Satu Penilaian Program Sektor Awam, Dlm. Jaafar Muhamad & Abdul Shukur Ariffin (eds.), *Masalah dan Prospek Ekonomi Bumiputera*, Bangi: Penerbit UKM, Bangi, 1983.

Sumber Internet

- Prime Minister's Office of Malaysia, "Dasar Ekonomi Baru", https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR_EKONOMI_BARU.pdf. Diakses pada 25 April 2020.
- Rancangan Malaysia ke-5 (RMK-5) (1986-1990,) <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM5.pdf> Diakses pada 26 April 2020.